

1.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Majlis Malam Kebudayaan itu _____ meriah dengan persembahan tarian tradisional pelbagai kaum.

- ☐ A betul
- ☐ B benar
- ☐ C sekali
- ☐ D sungguh

2.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Kami berpakat untuk memberikan hadiah kepada Cikgu Faridah sebagai tanda _____ atas segala ilmu yang dicurahkan kepada kami.

- ☐ A dihargai
- ☐ B berharga
- ☐ C menghargai
- ☐ D penghargaan

3.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Lemahnya dalam mengendalikan projek itu bukan rahsia lagi.
- II Kumar berjaya menyelamatkan budak yang hampir *lemah* di sungai itu.
- III Tubuh Pak Cik Samad *lemah* setelah mengerjakan sawah sepanjang hari.
- IV Hujah Zulhairi yang *lemah* itu amat mudah dibidas oleh pihak pembangkang.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

4.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betulnya.

- I Ibu menyuruh kakak membetulkan seluarnya yang *menggulung* itu.
- II Pembahas ketiga itu *menggulung* hujahnya dengan sangat yakin dan lancar.
- III Zafri *menggulung* tikar mengkuang itu sebelum diletakkan di dalam bilik stor.
- IV Puan Marina *menggulung* benang sebelum menyambung jahitannya menggunakan mesin jahit.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

5 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin** mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Peristiwa yang berlaku itu dapat menjadi pelajaran kepada Borhan supaya lebih berhati-hati ketika memilih kawan.

- ☐ A boleh menjadikan pengajaran
- ☐ B boleh dijadikan ajaran
- ☐ C dapat menjadi pengajaran
- ☐ D dapat menjadi pelajaran

6 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut **mungkin** mengandungi **kesalahan** bahasa dan **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Pak Kamil meraut-raut buluh itu berulang-ulang supaya mudah dilentur untuk dijadikan rangka wau.

- ☐ A meraut-raut berulang buluh itu
- ☐ B meraut buluh itu berulang-ulang
- ☐ C meraut akan buluh itu berulang
- ☐ D meraut-raut buluh itu berulang-ulang

7 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Sekalian usul akan dikemukakan dalam mesyuarat itu untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.
- II Doktor Ganesh mengenakan bayaran yang berpatutan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di kliniknya.
- III Pameran komputer itu akan diadakan lagi di kampung kami sekiranya mendapat sambutan daripada penduduk.
- IV Masyarakat diingatkan agar mendapatkan nasihat daripada ahli farmasi bertaualiah apabila membeli ubat-ubatan.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Adik terus merajuk apabila ibu bukan membenarkannya bermain di taman permainan.
- II Filem yang kami tonton banyak memaparkan mesej yang berguna kepada para penonton.
- III Ruangan laman sosial terus menjadi pilihan masyarakat untuk berhubung antara satu dengan yang lain.
- IV Kemahiran Rifdan mengelecek bola semakin hebat sejak dia berlatih dengan jurulatih berpengalaman itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

9.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

Penganjuran Kempen Celik Kewangan dapat mendidik murid-murid agar berjimat cermat ketika berbelanja.

- ☐ A Murid-murid dapat dibimbing agar berhemat ketika berbelanja melalui penganjuran Kempen Celik Kewangan.
- ☐ B Penganjuran Kempen Celik Kewangan yang dapat mendidik murid-murid hendaklah berjimat cermat ketika berbelanja.
- ☐ C Sikap murid-murid yang berhemat ketika berbelanja dapat dikenal pasti dengan penganjuran Kempen Celik Kewangan.
- ☐ D Penganjuran Kempen Celik Kewangan ketika berbelanja dapat menjamin murid-murid agar dididik dan berjimat cermat.

10.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

Doktor Mirza menasihati Puan Rina supaya memberikan makanan yang berkhasiat kepada anaknya kerana _____.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ B membaca itu jambatan ilmu
- ☐ C biar lambat asalkan selamat
- ☐ D otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.



Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soal yang berikutnya.

Setelah didengar akan sembah Syah Alam di Rimba itu, Nabi Allah Sulaiman pun bertitah kepada belatuk menyuruh memanggil Sang Bubut. Belatuk pun menyembah lalu pergi mendapatkan Sang Bubut. Seketika lagi Sang Bubut pun datanglah menghadap seraya menyembah. Titah baginda, “Hai Sang Bubut, yakah engkau memalu gendang perang dengan tiada titah daripada aku? Engkau pandai-pandai sahaja. Apa fasal?”

Sembah Sang Bubut, “Ampun tuanku, beribu-ribu ampun. Sebab pun patik memalu gendang perang dengan tiada titah tuanku, patik lihat Sang Biawak membawa pedang tercabut saja berlari-lari; jadi kepada fikiran patik musuh datang dari mana akan melanggar Duli yang Maha Mulia; itulah sebab patik palu dengan bersungguh-sungguh hati patik, supaya diketahui sekalian juak-juak hulubalang tuanku akan hal Duli yang Maha Mulia.”

Baginda menyuruh memanggil Sang Biawak. Belatuk pun menyembah pergi kepada Sang Biawak. Seketika lagi Sang Biawak pun menghadap Nabi Allah. Titah baginda, “Hai Sang Biawak, sebab aku memanggil engkau ini kerana aduan memerang mati anaknya dipijak Syah Alam di Rimba. Syah Alam di Rimba memijakkan anak memerang itu oleh kerana Sang Bubut memalu gendang perang. Sebab pun Sang Bubut memalu gendang perang itu, oleh kerana engkau membawa pedang bercabut konon; jikalau begitu engkau membawa pedang bercabut itu, musuh mana akan datang *melanggar beta* ini?”

Telah didengar Sang Biawak titah baginda itu, ia pun segera menyembah menundukkan kepala ke tanah, sembah, “Ampun, Tuanku Syah Alam, beribu-ribu ampun, sembah patik pacal yang hina harapkan diampun. Adapun sebab patik membawa pedang bercabut itu, patik lihat Sang Labi-labi mudik menyerendeng sahaja membawa perisai, patik pun datanglah membawa pedang bercabut, sangka patik tentulah musuh yang besar melanggar tuanku.”

Dipetik daripada prosa tradisional “Pelanduk Mengajar Memerang”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(1)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *melanggar beta* membawa maksud...

- ☐ A menyerang beta.
- ☐ B menangkap beta.
- ☐ C membantah beta.
- ☐ D membangkang beta.

(2)

Konstruk Kemahiran Membaca: Mentafsir

12. Sembah Sang Bubut, “Ampun tuanku, beribu-ribu ampun. Sebab pun patik memalu gendang perang dengan tiada titah tuanku, patik lihat Sang Biawak membawa pedang tercabut saja berlari-lari; jadi kepada fikiran patik musuh datang dari mana akan melanggar Duli yang Maha Mulia; itulah sebab patik palu dengan bersungguh-sungguh hati patik, supaya diketahui sekalian juak-juak hulubalang tuanku akan hal Duli yang Maha Mulia.”

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan pernyataan di atas?

- ☐ A Muafakat itu berkat
- ☐ B Bersekutu bertambah mutu
- ☐ C Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- ☐ D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakit

(3)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menganalisis

13.

Telah didengar Sang Biawak titah baginda itu, ia pun segera menyembah menundukkan kepala ke tanah, sembah, "Ampun, Tuanku Syah Alam, beribu-ribu ampun, sembah patik pacal yang hina harapkan diampun. Adapun sebab patik membawa pedang bercabut itu, patik lihat Sang Labi-labi mudik menyerendeng sahaja membawa perisai, patik pun datanglah membawa pedang bercabut, sangka patik tentulah musuh yang besar melanggar tuanku."

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- ☐ A Pengadilkan memerlukan saksi.
- ☐ B Kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah.
- ☐ C Pengaduan dilakukan kepada pihak yang berkuasa.
- ☐ D Sentiasa bersedia untuk menyelamatkan pemerintah.

(4)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menganalisis

14.

Apakah yang dilakukan oleh Nabi Allah Sulaiman setelah mendengar sembah Syah Alam di Rimba?

- ☐ A Menitahkan belatuk supaya memanggil Sang Bubut.
- ☐ B Menitahkan Sang Bubut supaya memalu gendang perang.
- ☐ C Menitahkan Syah Alam di Rimba untuk menyiasat kematian anak memerang.
- ☐ D Menitahkan Sang Biawak menangkap musuh yang hendak menyerang baginda.

(5)

Konstruksi Kemahiran Membaca: Menyusun

15.

Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan prosa tradisional di atas?

- ☐ A Belatuk merupakan ketua juak-juak hulubalang.
- ☐ B Anak memerang mati dipijak oleh Sang Biawak.
- ☐ C Memerang membuat aduan kepada Nabi Allah Sulaiman.
- ☐ D Sang Bubut mengangkat sembah kepada Syah Alam di Rimba.